



TEKS UCAPAN ALUAN

**YBHG. DATO' SRI KHAZALI BIN HAJI AHMAD
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**BERSEMPENA:
LAWATAN KERJA RASMI
YB DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
MENTERI KEWANGAN II
KE PEJABAT *uCustoms* CYBERJAYA**

**TEMPAT:
PEJABAT *uCustoms*, MKN EMBASSY TECHZONE,
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
CYBERJAYA**

**TARIKH:
14 FEBRUARI 2017 | SELASA**

1. BISMILLAHHI RAHMANI RAHIM.
2. ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.
3. SALAM SEJAHTERA, SALAM 1MALAYSIA DAN SALAM 1KASTAM.
4. **YB DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI,**
MENTERI KEWANGAN II,

YBHG. TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH,
KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN,

YBHG. DATO' SITI ZAUYAH BINTI MD DESA,
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN (DASAR),

YBHG. DATO' DR. MAZLAN BIN YUSOFF,
KETUA PENGARAH MAMPU,

YBHG. DR. SUHAZIMAH BINTI DZAZALI,
TIMBALAN KETUA PENGARAH MAMPU,
(TEKNOLOGI MAKLUMAT KOMUNIKASI)

YBHG. DATO'-DATO',
TIMBALAN DAN PENOLONG KETUA PENGARAH KASTAM,

YBHG. DATO'-DATO' PENGARAH KASTAM IBU PEJABAT,

YBHG. DATO'-DATO' PENGARAH KASTAM NEGERI SELANGOR,
LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR, WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN NEGERI SEMBILAN,

BARISAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN,

SETERUSNYA TUAN-TUAN, PUAN-PUAN SERTA PARA HADIRIN
YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

5. ALHAMDULILLAH, SEGALA PUJI-PUJIAN DIRAFAKKAN KE HADRAT ALLAH S.W.T., SELAWAT DAN SALAM KE ATAS RASUL JUNJUNGAN BESAR KITA, NABI MUHAMMAD S.A.W., KERANA DENGAN IZIN DAN RAHMAT-NYA, KITA DIANUGERAHKAN KESEMPATAN SERTA DIKURNIAKAN NIKMAT KESIHATAN UNTUK BERSAMA-SAMA HADIR KE MAJLIS PADA HARI INI.
6. SELAMAT DATANG DAN TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN KEPADA YB DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI, MENTERI KEWANGAN II ATAS KESUDIAN MELUANGKAN WAKTU UNTUK MELAWAT PEJABAT *uCustoms* DI CYBERJAYA INI.
7. BAGI PIHAK SELURUH WARGA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, SAYA BERASA AMAT BERBESAR HATI DAN MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN YB DATUK SERI KE PEJABAT *uCustoms* YANG SERBA INDAH INI.

8. SESUNGGUHNYA, LAWATAN YB DATUK SERI KE SINI MEMBUKTIKAN KOMITMEN SERTA MENYERLAHKAN PENGIFTIRAFAN YANG DIBERIKAN TERHADAP PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM *uCustoms*INI.
9. DI KESEMPATAN INI JUGA, INGIN SAYA ZAHIRKAN SEKALUNG PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA BARISAN JAWATANKUASA PERSEDIAAN MAJLIS KERANA TELAH BERTUNGKUS LUMUS BERUSAHA MENJAYAKAN MAJLIS PADA HARI INI.

YB DATUK SERI JOHARI, YBHG. TAN SRI, DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

10. PENTADBIRAN KASTAM DI SELURUH DUNIA SEDANG BERHADAPAN DENGAN ERA MODENISASI DAN GLOBALISASI YANG TELAH MENCIPTA PELBAGAI KEHENDAK UNIK SERTA CABARAN BARU YANG BERKAITAN DENGAN PERIHAL PERKASTAMAN.
11. SELAIN BERPERANAN MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA MELALUI PUNGUTAN HASIL DAN MEMELIHARA KESELAMATAN NEGARA MELALUI KAWALAN SEMPADAN, PERKEMBANGAN FUNGSI DAN TUGAS JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA TURUT DI DORONG OLEH PENINGKATAN PERMINTAAN TAMBAH BAIK FASILITASI DARIPADA SEKTOR PERDAGANGAN

DAN PERINDUSTRIAN SAMA ADA TEMPATAN MAHUPUN ANTARABANGSA.

12. KEPERLUAN SUPAYA JABATAN KASTAM MENGINTEGRASIKAN SISTEM DAN PROSEDUR SEDIA ADA DENGAN RANGKAIAN OPERATOR LOGISTIK GLOBAL TELAH MENCETUSKAN PENCIPTAAN SEBUAH SISTEM PENGURUSAN YANG LEBIH CEKAP DAN EFEKTIF BERORIENTASIKN ICT DAN TEKNOLOGI SEMASA YANG DIKENALI SEBAGAI SISTEM *uCustoms*.

YB DATUK SERI JOHARI, YBHGS. TAN SRI, DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

13. SEBAGAI MAKLUMAN, PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM *uCustoms* KINI BERADA PADA FASA PENGUJIAN SISTEM ATAUPUN *USER ACCEPTANCE TESTING (UAT)*.

14. AKTIVITI PENGUJIAN SISTEM INI TELAH DIJALANKAN BERMULA DARIPADA AWAL BULAN NOVEMBER 2016 DAN DIJADUALKAN AKAN BERLANJUTAN SEHINGGA KE BULAN APRIL 2017.

15. SEMASA PROSES PENGUJIAN, SISTEM *uCustoms* PERLU MELALUI PELBAGAI *CHECKPOINTS* DAN PROGRAM SIMULASI YANG TELAH DITETAPKAN MELIBATKAN MODUL-MODUL SERTA SENARIO-SENARIO YANG BERKAITAN.

16. KEPUTUSAN DAN OUTCOMES YANG DIPEROLEHI DARIPADA PROSES UAT INI AKAN DIGUNAKAN UNTUK MENILAI SEJAUH MANA SISTEM *uCustoms* BERUPAYA MENJADI SEBUAH SISTEM YANG PINTAR, KOMPREHENSIF, BERINTEGRASI DAN MEMENUHI PIAWAIAN ANTARABANGSA DISAMPING MESRA PENGGUNA.

YB DATUK SERI JOHARI, YBHG. TAN SRI, DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

17. SEBENTAR LAGI, BUAT PERTAMA KALINYA, PASUKAN PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM *uCustoms* AKAN MEMPERSEMBAHKAN SEBUAH DEMONSTRASI PENGOPERASIAN SISTEM *uCustoms* SECARA MENYELURUH.

18. KITA MEMBUAT PERANCANGAN DAN BERHARAP AGAR SISTEM *uCustoms* YANG MELIBATKAN MODUL *REGISTRATION* DAN *BROKER AFFAIRS* DAPAT DILANCARKAN PADA BULAN MAC 2017.

19. PADA MASA YANG SAMA AKTIVITI PEMBANGUNAN DAN PENGUJIAN MODUL-MODUL PENTING YANG LAIN AKAN TETAP DITERUSKAN SEHINGGA PEMBANGUNAN KESELURUHAN MODUL TERLIBAT BERJAYA DISEMPURNAKAN.

20. SEKIRANYA TIADA ARAL MELINTANG, BERKAT USAHA KERAS DAN SOKONGAN SEMUA PIHAK, SISTEM *uCustoms* DIJANGKA DAPAT DILANCARKAN SEPENUHNYA PADA AKHIR BULAN JUN 2017, INSYAALLAH.

YB DATUK SERI JOHARI, YBHG. TAN SRI, DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

21. SEBELUM SAYA MENGUNDUR DIRI, SEKALI LAGI INGIN SAYA ZAHIRKAN UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA YB DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI ATAS KESUDIAN MENGADAKAN LAWATAN KERJA KE PEJABAT *uCustoms*, CYBERJAYA PADA HARI INI.
22. SAYA YAKIN DAN PERCAYA, LAWATAN YB DATUK SERI KE SINI TELAH MENJANA SUNTIKAN MOTIVASI SERTA MENJADI PEMANGKIN SEMANGAT KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT SAMA ADA SECARA LANGSUNG MAUPUN TIDAK LANGSUNG DALAM USAHA MEREALISASIKAN PROJEK SISTEM *uCustoms*INI.
23. SAYA BERHARAP APABILA IA DILANCARKAN KELAK, SISTEM *uCustoms*INI BERUPAYA MEMBUAHKAN IMPAK POSITIF SERTA DAPAT MEMPERKASAKAN TANGGUNGJAWAB JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA UNTUK MENYOKONG PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA KE ARAH MEWUJUDKAN LANSKAP JABATAN YANG LEBIH CEKAP DAN BERKESAN.
24. SEKIAN, TERIMA KASIH.
25. WABILLAHI TAUFIQ WALHIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

**DATO' SRI KHAZALI BIN HAJI AHMAD
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA
14 FEBRUARI 2017**